



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA


### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 19 JULAI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 19 Julai 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **6,439 kes** (791,388 kes kumulatif, 85.3%);
- Kes baharu : **10,972 kes** (927,533 kes kumulatif);
- Kes import : **48 kes** (28 warganegara, 20 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **10,924 kes** [8,950 warganegara (81.9%); 1,974 bukan warganegara (18.1%)];
- Kes aktif : **128,997 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **915 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **435 kes**;
- Kes kematian : **129 kes** (7,148 kes kumulatif, 0.77%; 118 warganegara, 11 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **3,281 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **31 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **2,361 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **920 kluster**.

Daripada **10,972 kes harian** yang dilaporkan pada hari ini, sebanyak **26 kes** (0.2 peratus) adalah daripada kategori 5 (kritikal dan memerlukan bantuan pernafasan), **42 kes** (0.4 peratus) kategori 4 (radang paru-paru dan memerlukan bantuan oksigen), **103 kes** (0.9 peratus) kategori 3 (radang paru-paru), **4,464 kes** (40.7 peratus) kategori 2 (bergejala ringan) dan **6,337 kes** (57.8 peratus) kategori 1 (tidak bergejala). Keseluruhannya, hanya 1.5 peratus kes yang dilaporkan hari ini berada pada kategori 3, 4, dan 5.



Sebanyak **129 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **61 kes** di Selangor, **14 kes** di Kedah, **11 kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, masing-masing **10 kes** di Negeri Sembilan dan Melaka, **sembilan (9) kes** di Johor, masing-masing **tiga (3) kes** di Sarawak dan Terengganu, masing-masing **dua (2) kes** di Sabah, Pulau Pinang, dan Perak, serta masing-masing **satu (1) kes** di Kelantan dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.


## KADAR KEBOLEHJANGKITAN COVID-19 ATAU $R_0$ / $R_T$ (STATUS SEHINGGA 18 JULAI 2021)

Berdasarkan data terkini pada **18 Julai 2021**, nilai  $R_T$  Malaysia adalah sebanyak **1.15**. Negeri yang mencatatkan nilai  $R_T$  yang tertinggi adalah Terengganu (nilai  $R_T$  1.27). Manakala negeri-negeri lain yang mencatatkan  $R_T$  melebihi 1.0 adalah, Wilayah Persekutuan Putrajaya (nilai  $R_T$  1.26), Kedah (nilai  $R_T$  1.24), Sabah (nilai  $R_T$  1.21), Selangor (nilai  $R_T$  1.17), Pulau Pinang (nilai  $R_T$  1.16), Pahang (nilai  $R_T$  1.16), Negeri Sembilan (nilai  $R_T$  1.15), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (nilai  $R_T$  1.15), Melaka (nilai  $R_T$  1.12), Perak (nilai  $R_T$  1.12), Johor (nilai  $R_T$  1.12), dan Kelantan (nilai  $R_T$  1.10).

Nilai  $R_T$  mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 5 dalam kenyataan media ini.

# TANDA-TANDA AWAL KEBERKESANAN PROGRAM VAKSINASI DALAM MENGURANGKAN JANGKITAN SERIUS COVID-19 (KATEGORI 4 DAN 5) KEPADA GOLONGAN WARGA EMAS

Data terkini sehingga 18 Julai 2021 oleh Hospital Sungai Buloh menunjukkan, penurunan ketara kemasukan kes-kes jangkitan serius (kategori 4 dan 5) dalam kalangan warga emas bermula pada Minggu Epidemiologi (ME) ke-23. Tren penurunan ini didapati selaras dengan permulaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Fasa Kedua yang telah dimulakan seawal bulan April 2021 dan mula menunjukkan tanda-tanda awal keberkesanannya sejak ME ke-22.



Graf 1 : Jumlah kemasukan ke hospital bagi kes positif kategori 4 dan 5 mengikut kumpulan umur bagi ME pertama sehingga ME ke-28

KKM juga ingin memaklumkan bahawa bermula dari 17 Julai 2021, semua warga emas (iaitu individu berusia 60 tahun dan ke atas) yang masih belum mendapatkan janji temu, agar hadir secara terus atau '*walk in*' di mana-mana Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Kuala Lumpur dan Selangor, bagi mendapatkan suntikan vaksin pada hari yang sama. Selain itu, PPV juga akan terus beroperasi pada setiap hujung minggu termasuk cuti umum.

Tindakan-tindakan ini selaras dengan komitmen KKM dalam membina imuniti kelompok dalam kadar yang segera. Rakyat dinasihatkan untuk menghadiri janji temu pada tarikh dan lokasi PPV yang telah diberikan serta sentiasa menjaga Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang proses pengambilan vaksin di PPV.

## **UCAPAN SELAMAT HARI RAYA AIDILADHA**

KKM ingin mengambil kesempatan ini bagi mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha bagi semua umat Islam di Malaysia yang bakal menyambutnya pada 20 Julai 2021. Semoga kita mengambil pengajaran di sebalik erti pengorbanan dan menghayatinya dalam kehidupan seharian.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

19 Julai 2021 @ 6:30 petang.

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 19 JULAI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SELANGOR</b>	4,404 (40)	326,823
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	609 (4)	99,172
<b>JOHOR</b>	876 (4)	79,554
<b>SABAH</b>	651	75,796
<b>SARAWAK</b>	301	71,601
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	1,340	62,369
<b>PULAU PINANG</b>	426	39,296
<b>KELANTAN</b>	170	37,728
<b>KEDAH</b>	705	33,255
<b>PERAK</b>	324	31,573
<b>MELAKA</b>	474	25,526
<b>PAHANG</b>	475	18,948
<b>TERENGGANU</b>	144	12,797
<b>WP LABUAN</b>	24	9,451
<b>WP PUTRAJAYA</b>	48	3,016
<b>PERLIS</b>	1	628
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>10,972 (48)</b>	<b>927,533</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import



## LAMPIRAN 2

Ringkasan 129 kes kematian pada 19 Julai 2021 adalah seperti berikut:

Negeri	Bil Kes	Jantina		Kewarganegaraan		Tempat Kematian		Sejarah Penyakit
		Lelaki	Perempuan	WN	BWN	Hospital	BID	
Selangor	61	37	24	53	8	54	7	42
Kedah	14	9	5	14	-	14	-	14
WP Kuala Lumpur	11	9	2	9	2	10	1	9
Negeri Sembilan	10	6	4	10	-	9	1	10
Melaka	10	7	3	10	-	10	-	10
Johor	9	4	5	9	-	8	1	9
Terengganu	3	2	1	3	-	3	-	3
Sarawak	3	2	1	2	1	1	2	2
Sabah	2	2	-	2	-	1	1	2
Perak	2	1	1	2	-	2	-	1
Pulau Pinang	2	-	2	2	-	2	-	1
Kelantan	1	1	-	1	-	1	-	1
WP Labuan	1	-	1	1	-	1	-	1
<b>Jumlah</b>	<b>129</b>	<b>80</b>	<b>49</b>	<b>118</b>	<b>11</b>	<b>116</b>	<b>13</b>	<b>105</b>

\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

\* BID merujuk kepada *Brought In Dead*

### LAMPIRAN 3

Perincian 10,972 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 19 Julai 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	4,404	49	2,798	40	1,517
NEGERI SEMBILAN	1,340	44	955	-	341
JOHOR	876	529	221	4	122
KEDAH	705	83	349	-	273
SABAH	651	372	177	-	102
WP KUALA LUMPUR	609	169	254	4	182
PAHANG	475	186	248	-	41
MELAKA	474	248	162	-	64
PULAU PINANG	426	146	151	-	129
PERAK	324	79	149	-	96
SARAWAK	301	36	187	-	78
KELANTAN	170	95	42	-	33
TERENGGANU	144	51	65	-	28
WP PUTRAJAYA	48	9	33	-	6
WP LABUAN	24	2	16	-	6
PERLIS	1	-	1	-	-
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>10,972</b>	<b>2,098</b>	<b>5,808</b>	<b>48</b>	<b>3,018</b>

\* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

**LAMPIRAN 4****KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA  
PADA 19 JULAI 2021**

<b>No</b>	<b>Nama Kluster</b>	<b>Kategori Kluster</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Jumlah disaring</b>
1	Industri Jalan Firma Kluang	Tempat Kerja	Johor	Kluang	67	305
2	Industri Jalan Seelong	Tempat Kerja	Johor	Kulai	191	1,630
3	Jalan Rami Dua	Tempat Kerja	Johor	Muar	51	170
4	Kampung Parit Tiram	Tempat Kerja	Johor	Muar	34	39
5	Industri Valdor	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	13	41
6	Lebuh Tenggiri	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah	6	62
7	Jalan Bayan Lepas	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Barat Daya, Timur Laut, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, dan Seberang Perai Selatan	24	344
8	Jalan Usahawan Lima	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	10	50
9	Tapak Bina Jalan Binjai	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai	16	269
10	Jalan Jambu	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Kepong	17	35
11	Tapak Bina Jalan Kamuning	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai	76	1,687
12	Industri Elektronik Bemban	Tempat Kerja	Melaka	Jasin	37	232
13	Teknologi Lot Enam 2	Tempat Kerja	Melaka	Melaka Tengah	47	135
14	Dah 3/6 Industri Sungai Petani	Tempat Kerja	Kedah	Kuala Muda dan Sik	80	186
15	Jalan Kilang Satu Jelapang	Tempat Kerja	Perak	Kinta	37	80
16	Pauh	Tempat Kerja	Sabah	Kinabatangan	23	27
17	Industri Persiaran Sultan	Tempat Kerja	Selangor	Klang	54	128

18	Gudang Desa Corina	Tempat Kerja	Pahang	Cameron Highlands	19	154
19	Jalan Desa Mutiara Lapan	Komuniti	Johor	Johor Bahru	13	117
20	Parit Beting	Komuniti	Johor	Muar	14	24
21	Kampung Dewan Besar	Komuniti	Kelantan	Machang	18	21
22	Sungai Long	Komuniti	Kelantan	Jeli dan Kuala Krai	13	30
23	Jalan Pak Ngah Aziz	Komuniti	Pahang	Kuantan	25	153
24	Angsana	Komuniti	Sabah	Papar	29	29
25	Jalan Selalang	Komuniti	Sarawak	Sarikei	37	89
26	Bukit Tebuk	Komuniti	Terengganu	Dungun	23	288
27	Jalan Rejang Tangok	Kumpulan Berisiko Tinggi	Kelantan	Bachok, Kota Bharu, dan Pasir Puteh	7	49
28	Jalan Midah 8A	Kumpulan Berisiko Tinggi	WP Kuala Lumpur	Cheras	22	37
29	DTI Machap Umboo 2	Pusat Tahanan	Melaka	Alor Gajah	32	210
30	Tembok Kemus 2	Pusat Tahanan	Melaka	Alor Gajah dan Jasin	40	63
31	Troitsky	Import	Johor	Johor Bahru dan Kota Tinggi	5	20

**LAMPIRAN 5****NILAI  $R_T$  MENGIKUT NEGERI  
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN PADA 18 JULAI 2021**

<b>NEGERI</b>	<b>NILAI <math>R_T</math></b>
TERENGGANU	1.27
WP PUTRAJAYA	1.26
KEDAH	1.24
SABAH	1.21
SELANGOR	1.17
PULAU PINANG	1.16
PAHANG	1.16
NEGERI SEMBILAN	1.15
WP KUALA LUMPUR	1.15
MELAKA	1.12
PERAK	1.12
JOHOR	1.12
KELANTAN	1.10
SARAWAK	0.93
WP LABUAN	0.77
PERLIS	0
<b>MALAYSIA</b>	<b>1.15</b>